



POLISI ANTI DADAH

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

- 1) Adalah menjadi satu pelanggaran polisi ini sekiranya mana-mana pekerja didapati memiliki, menjual, berurus niaga atau menawarkan untuk menjual dadah atau sebaliknya terlibat dengan penggunaan dan penyalahgunaan dadah, alkohol dan bahan psikotropik semasa bekerja.
- 2) Adalah menjadi satu kesalahan ke atas polisi ini apabila ada sesiapa yang bertugas di bawah pengaruh dadah, alkohol dan bahan psikotropik.
- 3) Adalah menjadi kesalahan sesiapa yang menggunakan ubat-ubatan yang disyorkan oleh pegawai perubatan tanpa mengikut peraturan.
- 4) Mana-mana pekerja yang menggunakan ubat-ubatan yang disyorkan oleh pegawai perubatan perlu memaklumkan kepada penyeliaanya jika pengambilan ubatan tersebut menjejaskan keupayaannya.
- 5) Pelanggaran polisi ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah 14, Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000.
- 6) Mana-mana pekerja yang tampil secara sukarela buat kali pertama wajar dipertimbangkan untuk menjalani rawatan dan pemulihan.
- 7) Semua pekerja sewajarnya bekerja dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta dikehendaki menggalakkan rakan-rakan sekerja yang mungkin terlibat dengan penyalahgunaan dadah, alkohol dan bahan untuk mendapatkan rawatan.
- 8) Menjadi tanggungjawab penyelia untuk menasihati pekerja apabila melihat perubahan dalam prestasi atau kelakuan yang menunjukkan pekerja terlibat dengan penyalahgunaan dadah, alkohol atau bahan. Penyelia hendaklah menasihati dan mendorong pekerja tersebut untuk mendapatkan rawatan dan memberitahu sumber-sumber yang boleh memberikan pertolongan kepadanya.

DATO' Ir. RAJENDRAN P. ANTHONY

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Berkuatkuasa : **17 MEI 2023**